

15/09/2003

Klims 2003 dapat sambutan luar biasa

Shaarani Ismail

KUALA LUMPUR: Pameran Permotoran Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 (Klims 2003) yang berlangsung selama 10 hari berakhir semalam, mendapat sambutan luar jangkauan.

Jumlah pengunjung dan hasil kutipan tiket dan jualan kenderaan dijangka meningkat berbanding tahun lalu.

Pameran yang disertai 238 syarikat permotoran dalam dan luar negara itu turut mendapat perhatian pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawatnya kelmarin.

Kali ini 117 kereta pelbagai model, 32 jenis motosikal dan 10 bas serta kenderaan perdagangan komersial dipamerkan.

Tidak sekadar menjadi medan mempamerkan pelbagai kenderaan unik dan menarik, Klims 2003 juga cuba mengetengahkan hasil produk tempatan dengan mempamerkan enjin kereta tempatan yang pertama, Proton Campro.

Pereka, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Proton, Azlan Othman berkata, enjin Campro bakal menggantikan enjin yang digunakan sekarang tidak berapa lama lagi.

"Ia akan digunakan untuk model baru Proton yang akan dikeluarkan sedikit masa lagi," katanya.

Beliau berkata, enjin baru itu dihasilkan dengan kerjasama Lotus Engineering Ltd-Developed, dikeluarkan dalam versi 1.3, 1.5 dan 1.6 liter 16 injap dengan aci sesondol berkembar (DOHC).

Sementara itu, bagi kanak-kanak pula mereka dihiburkan dengan pelbagai aksi daripada sekumpulan badut yang didatangkan khas untuk Klims 2003.

Antara kegiatan lain yang menarik perhatian pengunjung pada hari akhir pameran adalah acara akhir Pertandingan Stereo Kereta Kebangsaan yang disertai lebih 60 kereta dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak bawah 12 tahun.

Pengunjung bertuah mungkin berpeluang memenangi sebuah kereta sedan Sport Saab 9-3 melalui cabutan bertuah dengan menghantar keratan tiket ke dalam peti cabutan yang disediakan berdekatan kaunter tiket Klims 2003.

Turut memainkan peranan penting pada Klims 2003 kali ini adalah jelitawan yang mempromosikan kenderaan yang dipamerkan yang kebanyakannya adalah model sambilan.

Hampir setiap syarikat pengeluar kenderaan menggunakan model untuk menarik perhatian pengunjung ke gerai mereka dan setiap model mempunyai cara yang tersendiri untuk menarik pengunjung.

Seorang model yang ditemui, Ivana Nazrul, berkata ini adalah kali ketiga beliau terbabit dalam Klims sejak ia dianjurkan dua tahun lalu.

"Sememangnya model dan pameran seumpama ini tidak dapat dipisahkan, kerana ia memang satu keperluan untuk melariskan produk," katanya yang menjadi model Honda.